

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD NIZAR B. ZAKARIA (PARIT)

TARIKH : 20 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) adakah Kerajaan bersedia untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes penyeludupan warga asing yang turut didalangi oleh anggota keselamatan negara; dan

(b) apakah langkah strategik yang akan dilaksanakan bagi membanteras aktiviti penyeludupan pendatang asing tanpa izin ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian berpandangan buat masa ini tindakan dan penguatkuasaan perundangan sedia ada seperti Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) adalah memadai.

Di antara langkah penguatkuasaan yang diambil adalah melalui Ops Benteng yang dilancarkan pada 1 Mei 2020 dengan diketuai oleh ATM dan dianggotai oleh PDRM, APMM dan Agensi Penguatkuasaan lain. Sepanjang tempoh pelaksanaan Ops Benteng, seramai 24 anggota penguatkuasa termasuk polis, tentera dan Jabatan Imigresen telah ditahan di bawah prosedur Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA kerana disyaki terlibat dalam sindiket jenayah terancang penyeludupan migran sejak 2017.

Bagi menjawab soalan kedua pula, Kementerian Dalam Negeri melalui agensi-agensi di bawahnya, telah menjalankan beberapa langkah strategik bagi membanteras aktiviti penyeludupan PATI. Ini termasuklah melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada seperti Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA. Disamping itu, pengukuhan aset strategik dan teknologi akan turut diberi penekanan. Ini termasuklah aset-aset seperti dron, Kamera TV Litar Tertutup (CCTV) berteknologi 5G dan peningkatan keupayaan kenderaan operasi.

Selain itu, operasi secara bersepadu yang melibatkan kepelbagaian agensi penguatkuasaan seperti Ops Benteng dan Ops Naga akan diteruskan di samping mempertingkatkan risikan dan operasi di lokasi panas/hotspot kemasukan PATI seluruh Negara.